Risalah Tsulasa'

EDISI 7
3 Rejab 1426
9 Ogos 2005

Hadith Pilihan

4- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَقْوَامٌ أَفْئِدَتُهُمْ مِثْلُ أَفْئِدَةِ الطَّيْرِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Dari Abu Hurairah R.a daripada Nabi S.a.w sabdanya,: "Masuklah ke dalam syurga itu para kaum yang hatinya seperti hati burung." Riwayat Muslim.

Keterangan Hadith:Ertinya kata-kata di atas disebutkan:Bahawasanya mereka itu adalah orang-orang yang bertawakkal.Juga dapat ditafsir dengan maksud:Bahawasanya mereka itu mempunyai hati-hati yang lembut.

Hadith 4,Bab 7,Bab Tawakkal,Kitab Riyadhus Shalihin.

Risalah Tsulasa' adalah Terbitan © **Bahan Tarbiyyah ONline**. Sebarang maklum balas kepada bahantarbiyyah@yahoo.com

Sumber:

- *Hadith Pilihan* – Riyadhus Shalihin, Imam Nawawi
- *Mereka Yang Telah Pergi* – Mereka Yang Telah Pergi, ditulis oleh Al-Mustasyar Abdullah Al-Aqil, terbitan Al-I'tishom Cahaya Umat
- *Hadith Tsulasa*' – Hadith Tsulasa', ditulis oleh Ahmad Isa 'Asyur, terbitan EraIntermedia

Mereka Yang Telah Pergi

MUHAMMAD ALLAL AL FASI

(Pemimpin Besar, 1326-1394 H.1908-1974 M.)

Tempat,Tanggal Lahir dan Masa Kecil Muhammad Allal Al Fasi

Nama penuhnya ialah Muhammad Allal bin Abdul Wahid bin Abdus Salam bin Majdzub Al-Fasi Al-Fahri. Keluarganya berhijrah dari Morocco ke Andalusia (Sepanyol).

Muhammad Allal Al-Fasi dilahirkan di kota Fas, Morocco pada tahun 1908. Beliau belajar di Universiti Al-Qurawiyin dan mendapatkan ijazah Diploma Tinggi pada tahun 1932. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang begitu komited dengan agama, sehingga beliau mampu menguasai pengetahuan agama dan semangat membela tanah air. Kerana itu, sejak menjadi mahasiswa, beliau menjadi tokoh nasional, pemidato yang ulung, penyair, dan ulama di Morocco.

Muhammad Allal Al-Fasi berperanan aktif dalam melawan penjajah Perancis. Perlawanan ini dilakukan melalui berbagai-bagai media. Antara lain adalah untuk menyebarluaskan kajian keislaman, menyatakan kepada umat yang berpecah belah agar bersatu, dan memasuki dunia politik untuk menggagalkan rencana busuk penjajah.

Aktiviti dan Jihad Muhammad Allal Al Fasi

Muhammad Allal Al-Fasi menentang pemberian hak istimewa kepada orang-orang

Perancis dalam mengkaji air di kota Fas.Beliau juga menentang pengasingan Zhahir Barbari yang dimaksudkan untuk memecah belah bangsa Morocco pada tahun 1930. Kerana itu, beliau ditangkap oleh penguasa Perancis. Padahal, saat itu beliau masih duduk di dalam jurusan diploma dan menjadi guru di Madrasah An-Nashiriyah. Beliau diasingkan ke wilayah Tazah.

Setelah bebas pada tahun 1931, Muhammad Allal Al-Fasi kembali ke kota Fas. Tidak seberapa lama kemudian, beliau tanpa sebab yang munasabah telah dilarang mengajar. Kerana itu, beliau memanfaatkan waktu di kampus Al-Qurawiyin untuk menyampaikan kajian ilmiah pada malam hari, mengenai sejarah Islam.



Pada tahun 1933, penguasa Perancis di Morocco bermaksud untuk menangkap Muhammad Allal Al-Fasi. Lalu beliau pergi ke Sepanyol dan Switzerland, untuk bergabung dengan Amir Syakib Arselan dan saudara-saudaranya, para pejuang Islam keturunan Arab dan lainnya.

Pada tahun 1934, Muhammad Allal Al-Fasi kembali ke tanah air.Kemudian pada tahun 1936, beliau mendirikan Persatuan Pekerja. Pada Tahun 1937, beliau membentuk Kelompok Rahsia Pekerja Nasional. Tahun 1937, penguasa menangkap dan mengasingkannya ke *Gabon* sehingga tahun 1941. Kemudian, beliau dipindahkan ke Congo, dari tahun 1941 sehingga tahun 1946. Pada tahun itu, beliau dibebaskan, lalu beliau mendirikan Hizb Istiqlal (Parti Kemerdekaan) bersama rakan-rakannya. Sejak daripada itu, beliau seringkali melawat ke negara-negara Arab dan Barat untuk mengkempenkan kemerdekaan Morocco dari tangan penjajah Perancis. Ketika kembali ke tanah air pada tahun 1949, beliau tidak dibolehkan masuk oleh orang-orang Perancis. Lalu, beliau tinggal di kota Tonjah, yang saat itu menjadi negara bahagian.

Ketika Raja Muhammad Khamis diasingkan tahun 1953, Muhammad Allal Al-Fasi menyeru rakyat Morocco untuk melakukan revolusi menentang Perancis. Ketika saja dikembalikan dari pengasingan dan keadaan stabil kembali, Muhammad Allal Al-Fasi ikut sama mengurus negara, beberapa ketika menjelang wafatnya raja Muhammad Khamis. Ketika itu, pada tahun 1961, beliau menjawat jawatan sebagai Menteri Negara Urusan Keislaman. Namun, pada tahun 1963 beliau dipecat daripada jabatannya.

Setelah itu, Muhammad Allal Al-Fasi melakukan perang dingin melalui Parti Kemerdekaan di Majlis Perwakilan Rakyat, kerana beliau merupakan salah satu daripada anggotanya. Beliau menjadi Ketua Parti Kemerdekaan dari tahun 1960 – 1967.

Ustadz, guru besar, mujahid, dan pemimpin besar Muhammad Allal Al-Fasi ialah salah satu tokoh Islam kontemporeri yang memikul amanah dakwah, berjihad di jalan Allah *Ta'ala*, dan menghabiskan usianya untuk memerangi kezaliman, kesewenang-wenangan, dan penjajahan. Beliau pemimpin Parti Kemerdekaan yang pada mulanya didirikan untuk melawan penjajah Perancis dan mengembalikan hak-hak rakyat Morocco.

Ustadz 'Allal Al-Fasi merupakan ulama terkemuka yang memimpin gerakan kemerdekaan bangsa Morocco. Beliau berperanan aktif dalam perlawanan nasional melalui lisan, tulisan, dan fizik. Beliau berkelana ke penjuru negeri untuk memotivasi rakyat agar berjuang melawan musuh Islam yang menjajah negeri, menghina penduduknya, merampas kekayaan, dan menyebarkan kerosakan di dalamnya.

Ketika diasingkan penjajah dan kuncu-kuncunya, beliau berkelana ke negara-negara Arab, negara-negara Islam, dan dunia antarabangsa untuk mempublikasikan masalah negaranya, memalukan penjajah, mengungkap cara-cara busuk mereka, memperjelas rencana-rencana jahat mereka, menjelaskan cara untuk merebut kemerdekaan, mengembalikan hak-hak bangsa Morocco, dan mengempenkan penegakan syariat Islam.

Sasterawan besar, Ahmad Bakatsir, memberikan penghormatan kepadanya dengan sebuah syair:

"aku menyebutmu. wahai filial. saat manusia tertidur tiada mata yang terjaga. selain mataku dan matamu kesedihan benar-benar mengiris hati nuraniku keputus-asaan senjata yang merontokkan harapanku kegelapan malam hampir menghabisi diriku. karena kegelapan Arab membuat tujuan kehilangan arah penjajah mengepung bangsa. namun ia tak menyerah ia tetap tegar mempertahankan telaga dan mata airnya aku menyebutmu. hai filial, tapi sedih menyergapku Tapi aku berusaha mengusir sakitnya kesedihan seolah aku diasingkan bersamamu. maka bersabarlah kesabaran telah menjadi popular di kalangan firab aku senang berjuang untuk keluargaku di Palestina Kjjang-kijang. bukan syair yang meratapi kematianku".

Seruan Allal Al-Fasi disambut banyak orang, baik di dalam maupun di luar negeri. Pemuda berhimpun di sekitarnya dan menjadikannya pemimpin yang memandu gerakan mereka. Lalu, ia mulai merapikan barisan mereka dan menjelaskan langkah-langkah perjuangan, tahapan-tahapan jihad, dan beban-beban perjuangan. Di lawatannya, ia berhasil berinteraksi dengan beberapa tokoh, pemimpin, dan mujahid berskala internasional, seperri Imam Hasan Al-Banna, Muhammad Shalih Harb, Amin Al-Husaini, Basyir Al-Ibrahimi, Fudlail Al-Wartilani, Hasan Al-Hudhaibi, dan lainnya.

Pertemuanku dengan Muhammad Allal Al Fasi

Saya berbahagia kerana berkali-kali bertemu Muhammad Allal Al-Fasi dan mengambil manfaat dari kajian, ceramah, dan seminarnya. Itu terjadi pada awal tahun 1950an.

Ketika menjadi mahasiswa di Mesir, kami mewakili berbagai-bagai suku dari negara-negara Islam. Tetapi, ikatan persaudaraan Islam menjadi landasan terkuat interaksi dan perkumpulan kami. Saat itu, terjadi dialog panjang antara Muhammad Allal Al-Fasi dengan mahasiswa utusan dari Morocco. Mereka mendesak Muhammad Allal Al-Fasi memerhatikan aspek *tarbiyyah* (pembinaan) dalam memimpin Parti Kemerdekaan, agar aspek politik tidak menjadi warna paling dominan di dalam setiap aktiviti parti.

Muhammad Allal Al-Fasi menerima kritikan tersebut dengan hati lapang, hormat, dan senang. Beliau menganggap kritikan sebagai usaha baik dari pemuda Morocco yang telah terwarnai oleh pergerakan Islam kontemporeri.

Sikap-sikap Kepahlawan Muhammad Allal Al Fasi

Ustadz Muhammad Allal Al-Fasi mempunyai hubungan erat dengan aktivis perjuangan Islam, melakukan koordinasi kerja bersama-sama, mengukuhkan ikatan tatkala menempuh ujian, memberi pembelaan kepada mereka ketika ditekan, dan memperjuangkan cita-cita bersama-sama.

Muhammad Allal Al-Fasi berusaha keras meningkatkan perlawanan terhadap kezaliman pemerintah Mesir pada masa Abdun Naser, kerana melemparkan aktivis Islam ke penjara dan menghukum gantung tokoh-tokoh Islam seperti Abdul Qadir Audah, Muhammad Farghali, Sayyid Quthb, Yusuf Thal'at, Ibrahim Ath-Thayyib, Hendawi Duair, Mahmud Abdul Lathif, Abdul Fatrah Ismail, Muhammad Yusuf Hawwasy, dan lain-lain.

Muhammad Allal Al-Fasi mengadakan beberapa muktamar dan mengeluarkan kenyataan mengkritik keras kebijakan dan tindakan pemerintah Mesir. Juga menulis makalah panjang tentang jihad para tokoh pergerakan di surat khabar *Al'Ilm*, yang menjadi corong Parti Kemerdekaan. Bahkan, partinya menggelar pertemuan-pertemuan akhbar untuk mengutuk pembantaian keji terhadap dai dan mujahid di negeri *Kinanab* (Mesir).

Saya tidak sanggup untuk mengungkapkan semua sikap kepahlawanan Allal Al-Fasi yang tidak terhitung. Hari-hari berlalu dengan cepat, lalu tibalah kesempatan bertemu dengannya di kunjungannya ke Kuwait. Terjadi pembicaraan antara saya dengannya tentang keprihatinan dan persoalan yang dihadapi umat Islam, serta cara efektif untuk mengentalkan umat dari kubangan ujian.

Semua pembicaraan, khutbah, ceramah, dan seminar yang disampaikan Muhammad Allal Al-Fasi mengandungi tentang pentingnya mengukuhkan aktiviti-aktiviti pemuda. Sebab, mereka generasi terpenting dalam menegakkan risalah Islam. Juga tentang pentingnya pembinaan aqidah bagi mereka, agar mereka menjadi perintis kebangkitan umat Islam yang telah lama tidur. Umat telah ditipu pemimpin mereka yang hanya mementingkan keempukkann kerusinya, meskipun harus menghancurkan rakyat, menginjak-injak kehormatan, mengotori tempat-tempat suci, dan merosakkan negeri. Kerana itu, beliau berusaha mentarbiyyahkan pemuda mukmin, mewariskan pengetahuan, serta menularkan pengalamannya di bidang politik, ilmu, jihad, dan perjuangan kepada mereka.

Pemimpin yang telah meninggalkan kita ini aktif di medan dakwah dan mengorbankan apa yang mampu ia berikan. Meskipun kita tidak sependapat dengannya di sebahagian ijtihad politiknya, namun kita mengakui sikap-sikap yang beliau ambil berasal dari keyakinannya bahawa Islam satu-satunya cara untuk membebaskan umat dari penderitaan mereka selama ini.

Pengaruh dan Karya-karya Muhammad Allal Al Fasi

Banyak yang mengenal *almarhum* Muhammad Allal Al-Fasi hanya sebagai tokoh politik dan pemimpin nasional. Padahal, beliau merupakan tokoh pemikir Islam dan aktivis dakwah perbaikan yang telah dirintis oleh Muhammad Rasyid Ridha. Beliau juga mempunyai pengalaman luas mengenai fiqh Islam, terutama fiqh *Madzhab Maliki* dan fiqh perbandingan. Ijtihad-ijtihad fiqhnya dijadikan hujjah para ulama Morocco, Aljazair, dan Tunisia. Aktiviti-aktiviti politiknya lebih dominan, sehingga perhatiannya kepada fiqh kadangkala dinomborduakan.

Muhammad Allal Al-Fasi mengajar di Fakulti Perundangan dan menerbitkan beberapa buku, antara lain:

Difa 'Antsy Syari'ah.
Al-Himayft Marakisy.
As-Siyasah Al-Barbariyah fi Marakisy.
An-Naqdu Adz-Dzati.
Al-Harakat Al-Istiqlaltyah fil Maghrib Al-'Arabi.
Al-Hurriyah.
Al-Himayah Al-Asbaniyah fil Maghrib.
Waqi'ul 'Alam Al-Islami.
Muhimmatu 'Umma'd Islam.
Manhajul Istiqlaliyah.
Ra'yu Muwathin.
Nahwa Wahdatin hlamiyatin.
Da-iman Ma'asy Sya'b.
Anasyid Wathaniyah.
Hadits Anit Tabsyir Al-Masihi.
KaiLaNansa.
Al-Madkhol It 'Ulumil Quran wat Tafiir.

Dan masih banyak lagi yang belum tercetak.

Muhammad Allal Al-Fasi menjadi anggota *Majma' 'Ilmi Arab* (Kelompok Pengkajian Ilmiah Arab) di Damaskus dan *Majma'ul lughah 'Rabiyah* (Kelompok Pengkajian Bahasa Arab) di Kairo.

Muhammad Allal Al-Fasi pemidato ulung, ahli fiqh yang kaya ilmu, ahli politik yang piawai, dan aktivis dakwah yang dinamis. Hail dan akal manusia tertarik kepadanya, serta pemuda berbondong-bondong menyambut seruannya. Mereka mengundangnya untuk mengisi *halaqab-halaqah* ilmiah, kelompok-kelompok mahasiswa, dan seminar-seminar tentang berbagai-bagai pemikiran. Mereka mengajukan pertanyaan dan persoalan kepadanya, serta mendiskusikan jalan terbaik untuk membebaskan negara mereka dari neraka penjajahan.

Suatu ketika saya berkesempatan bersama Muhammad Allal Al-Fasi, Di Hasan At-Turabi, dan Ustadz Ibrahim Al-Wazir. Kami diundang menghadiri muktamar tahunan Organisasi Mahasiswa Muslim tahun 1968 di Amerika Syarikat. Kami berkesempatan mengelilingi Amerika selama sebulan. Itulah waktu-

waktu terindahku bersama Muhammad Allal AI-Fasi. Saya dapat mengetahui aspek-aspek keperibadian yang tiada dua, yang terwujud dalam kepahlawanan dan kerja kerasnya.



Ungkapan-ungkapan Muhammad Allal Al Fasi

"Kekuasaan dapat melukai jasad muslim, merampas harta dari kehidupannya, atau mengusirnya dari tanah air dan keluarganya. Tapi kekuasaan tidak mampu merampas keimanannya, menghilangkan kebanggaan pada keislaman dirinya, atau menghapuskan aqidahnya."

"Umat Islam sangat perlu kembali kepada agama mereka secara murni seperti awal dan memerdekakan diri dari keterbelakangan yang diciptakan penjajah asing. Penjajah yang mengangkangi negeri harus dilawan sehingga mereka tidak dapat memahami atau membuat penganggaran, kecuali dengan tolok ukur penjajah."

Projek akhir yang dilakukan Muhammad Allal Al-Fasi dan patut disyukuri ialah usahanya mempengaruhi pemerintah agar tidak mendukung pembuatan film tentang Rasulullah *Shalallabu Alaihi wa Salam*. yang kandungannya menjatuhkan Rasulullah, agama Islam, dan umat Islam."

Muhammad Allal Al-Fasi pulang ke *rahmatullah* pada hari Isnin 20 *Rabi'ulAwal* 1394, atau 13 Mei 1974."

Semoga Allah merahmati Muhammad Allal Al-Fasi dengan rahmat yang luas dan memberinya balasan yang baik atas amal-amal shalih yang beliau lakukan, serta mengampuni kesalahan-kesalahannya.

"Apakah kamu mengira bahawa kamu akan dibiarkan(begitu saja),sedang Allah belum mengetahui(dalam kenyataan) orang-orang yang berjihad di antara kamu dan tidak mengambil menjadi teman yang setia selain Allah,RasulNya dan orang-orang beriman.Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."
(At-Taubah:16)

"Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya.Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama satu kesempitan.(Ikutilah) agama orang tuamu Ibrahim.Dia(Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu,dan(begitu pula) dalam(Al-Quran) ini,supaya Rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia maka dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat, dan berpeganglah kamu pada tali Allah.Dia adalah pelingdungmu,maka Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."
(Al-Hajj:78)

Hadith Tsulasa'

HAK-HAK ULUHIYYAH DALAM AL QURAN



Kita memuji Allah swt. Kita ucapkan selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad, segenap keluarga dan sahabatnya, serta siapa saja yang menyerukan dakwahnya hingga hari kiamat.

Ikhwan tercinta, saya sampaikan salam penghormatan Islam, salam penghormatan dari Allah, yang baik dan diberkati: *assalamu 'alaikum wa rahmatullah wa barakatuh.*

Makna Uluhiyyah Dalam Fitrah Manusia

Dalam kajian-kajian kita terdahulu tentang kitab Allah swt., kita telah mengerti beberapa sisi tentang manusia serta alam fizik dan metafizik di dalam Al-Qur'an. Perbicaraan kita pada malam ini berkisar tentang hak-hak *uluhiyah* di dalam kitab Allah swt.

Wahai Akhi, tema ini merupakan inti dan cabang paling penting di dalam semua agama. Sesungguhnya semua agama merupakan kurnia dan pengarahan daripada Allah kepada hamba-hambaNya. Semua agama datang dengan tujuan utama mengenalkan manusia tentang Allah dan hak-hak Allah swt. terhadap mereka. Kerana itu, tema kita —Penjelasan tentang Hak-Hak Uluhiyah serta Hubungan antara Allah swt. dengan Manusia dan antara Manusia dengan Allah— merupakan tema paling penting yang dikemukakan oleh kitab-kitab samawi dan selanjutnya merupakan tema paling penting pula yang dikemukakan oleh Al-Qur'anul Karim.

Ikhwan sekalian, tujuan utama dan mendasar agama-agama adalah menggariskan batas-batas hubungan antara manusia dengan Tuhan mereka, sehingga mereka berjalan di dalam batas-batas ini dan tidak melanggarnya, tidak berlebih-lebihan atau melalaikannya. Hampir-hampir tidak kita temui satu surah pun dalam Al-Qur'anul Karim kecuali pasti memuatkan keterangan tentang tema ini secara panjang lebar dan jelas. Barangkali petunjuk paling jelas yang menunjukkan adanya hubungan antara Allah swt. dengan manusia dan hubungan manusia dengan-Nya, serta hakikat paling jelas tentang *uluhiyah* adalah rasa ketuhanan sejati yang bersemayam dan tertanam kuat dalam diri manusia. Hakikat *uluhiyah,* wahai Akhi, sebenarnya terdapat dalam fitrah manusia. Jika Anda telah mengetahui bahawa roh itu ada kerana perintah Allah, maka anda pasti memahami perasaan manusia terhadap Allah, hubungannya dengan Allah, dan ikatan kuat yang mengikatnya dengan Allah, yang merupakan perasaan fitrah dan tidak mungkin diingkari atau dihindarkannya. Meskipun demikian ia tidak mengetahui dari mana sumbernya.

Ini realiti. Sejarah manusia sejak pertama kali menjadi saksi tentang hal ini. Berbagai-bagai bangsa telah melakukan pelbagai usaha untuk mengenal Allah swt. Usaha-usaha ini dilakukan sebagai akibat dan kesedaran mereka tentang fitrah ini. Salah seorang ilmuan Barat pernah mengatakan, "Sesungguhnya jika saya ditanya, 'Mengapa Anda beriman kepada Tuhan?' saya tidak boleh menjawab pertanyaan ini kecuali dengan jawapan yang saya gunakan untuk menjawab apabila ditanya, 'Mengapa Anda makan? Mengapa Anda minum? Mengapa Anda tidur?' Sebab, jawapan pertanyaan ini akan berbunyi seperti berikut: "Makan adalah salah satu undang-undang yang harus dipatuhi untuk mempertahankan kesihatan diri secara fizik, sehingga tidak




mungkin saya menghindarkan diri darinya sebagaimana saya juga tidak boleh menghindarkan diri dari bernafas. Demikianlah. Perasaan saya mengenai keberadaan Tuhan merupakan salah satu tuntutan spiritual saya dan merupakan keperluan yang penting, sehingga saya tidak mungkin menghindarinya, kecuali jika saya menghilangkan perasaan-perasaan spiritual saya atau bahkan kehidupan saya. Yang paling kuat di antara perasaan-perasaan yang merupakan pangkal kehidupan ini adalah bahawa saya mempunyai tuhan, dan saya terikat dengan tuhan ini.

Prinsip ini, wahai Akhi, sebagaimana telah saya katakan, dikuatkan oleh berbagai usaha spiritual yang terjadi sepanjang sejarah umat manusia.

Al-Qur'anul Karim telah mengisyaratkan hakikat ini dengan jelas. "*Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); sebagai fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. Itulah agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui." (Ar-Rum: 30) "Dan apabila kalian ditimpa bahaya di lautan, nescaya lenyaplah siapa yang kamu seru kecuali Dia*." *(Al-Isra': 67).*

Jadi, kepasrahan manusia kepada Allah swt. ketika ditimpa bencana dan ketika berputus asa dari daya dan kekuatannya sendiri mahupun orang lain, bukanlah sesuatu yang muncul begitu saja. Ia sebenarnya merupakan luapan fitrah manusia dari relung-relung jiwanya untuk menyandarkan diri kepada Allah. "...*Apabila kalian berada di dalam bahtera, ia meluncurlah membawa orang-orang yang ada di dalamnya dengan tiupan angin sepoi, dan mereka bergembira kerananya, lalu datanglah angin badai dan gelombang dari segenap penjuru menimpanya, lalu mereka yakin bahawa mereka telah terkepung (bahaya), mereka pun berdoa kepada Allah dengan tulus ikhlas penuh ketaatan kepada-Nya semata-mata. (Mereka berkata), 'Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini, pastilah kami akan termasuk orang-orang yang bersyukur.'" (Yunus: 22).*

Pada saat itu, wahai Akhi, ketika manusia sudah putus harapannya dari semua faktor penyebab yang bersifat lahir, ketika itulah ia bersandar kepada Allah. Kerana itu, iman kepada Allah dan perasaan mengenai adanya Sang Pencipta merupakan fitrah yang tertanam dan terpatri di dalam diri manusia. Kerana begitulah karektor rohani. Roh itu ada dengan perintah Allah. Ketika tertutup oleh hawa nafsu, ia lupa. Tetapi ketika sudah berputus asa dari berbagai-bagai faktor penyebab yang bersifat lahiriah, ia kembali bersandar kepada Allah swt.

Al-Qur'anul Karim telah mengisyaratkan hal itu. Ia mengisyaratkan adanya fitrah ini dan bagaimana fitrah ini menjalankan fungsinya.

Wahai Akhi, Anda boleh membaca sejarah berbagai-bagai bangsa. Anda mendapati bahawa manusia telah menjalani kehidupan untuk mewujudkan hakikat ini. Dalam hal ini mereka terbahagi menjadi pelbagai macam aliran. Di antara mereka ada yang bertuhan satu (monoteis), ada yang bertuhan banyak (politeis), dan ada pula kelompok yang meletakkan pelbagai sifat yang tidak patut bagi Allah swt. Di antara mereka ada penyembah berhala (paganis), penyembah dua tuhan, dan ada pula yang menyembah tiga tuhan. Ada di antara mereka yang mengatakan bahawa tuhan itu bersedih, letih, dan menyesal. Ada pula di antara mereka yang meyakini banyak sekali tuhan, yang masing-masing menguasai benda-benda alam tertentu.

Semua ini terjadi berdasarkan kadar pemahaman bangsa-bangsa tersebut terhadap hakikat Allah demi mengikuti tuntutan fitrah ini, iaitu fitrah bahawa manusia memiliki hubungan dengan Allah swt.

Misi Kenabian

Kemudian datanglah "kenabian" untuk mengembalikan manusia kepada kebenaran. Al-




Qur'anul Karim datang dengan menjelaskan suatu hakikat yang nyata dan jelas. Ia menegaskan bahawa Tuhan itu hanya satu sekaligus menafikan keberagaman tuhan. Ia menegaskan bahawa tidak ada satu pun di antara makhluk ini yang menyerupai-Nya dan Allah swt. tidak menyerupai sesuatu apa pun. Ia menegaskan bahawa Allah menyandang segala sifat kesempurnaan dan bersih dari segala kekurangan. Ia juga menegaskan bahawa akal manusia tidak mampu untuk memahami hakikat zat-Nya dan hakikat sifat-sifat-Nya. Selain aspek-aspek positif yang dicakup ketika berbicara tentang Allah dan hakikat ketuhanan, Al-Qur'anul Karim juga berbicara tentang dua hakikat lain.

Pertama, berkaitan dengan syubhat-syubhat yang mengotori hakikat makna ketuhanan, yang dilontarkan oleh masyarakat bangsa-bangsa terdahulu. Al-Qur'anul Karim membantah, menolak, dan menafikannya dengan dalil-dalil yang kuat.

Kedua, berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah swt. Yakni bagaimana manusia dipelihara oleh Allah swt. dan bahawa Allah bersama manusia di mana pun mereka berada, adalah yang mengasihi, memberi petunjuk, dan memberi pertolongan kepada mereka, serta bahawa Dia adalah yang menghisab mereka setelah itu dan kepada-Nya mereka kembali.

Inilah wahai Akhi, pokok-pokok gagasan yang dikemukakan oleh Al-Qur'anul Karim mengenai tema ini.

Seputar Beberapa Syubhat

Pertama, Al-Qur'anul Karim menegaskan bahawa Allah swt. adalah Esa. Keesaan Allah disebutkan dalam banyak ayat. Adapun satu surah yang mencakup seluruh makna *uluhiyah* ini adalah surah Al-Ikhlas. Ia sungguh merupakan surah yang ringkas namun indah, yang menjawab orang yang bertanya kepada Nabi saw., "Hai Muhammad saw. sebutkan nasab Tuhanmu kepada kami!" Maka turunlah firman Allah swt. "*Katakanlah, 'Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan-Nya.*'" *(Al-Ikhlas; 1-4).*

Wahai Akhi, surah ini menegaskan keesaan, ketidaksamaan, dan kesempurnaan Allah serta perhubungan hamba kepada-Nya. Kemudian, kita juga membaca ayat-ayat berikut ini dalam kitab Allah, yang menegaskan keesaan-Nya:

"*Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dengan main-main. Sekiranya Kami hendak membuat sesuatu permainan (isteri dan anak) tentulah Kami membuatnya. Jika Kami menghendaki berbuat demikian, (tentulah Kami telah melakukannya). Sebenarnya Kami melemparkan yang haq kepada yang batil lalu yang haq itu menghancurkannya, maka dengan serta merta yang batil itu lenyap. Dan kecelakaanlah bagimu disebabkan kamu menyekutukan (Allah dengan sifat-sifat yang tidak layak bagi-Nya). Dan kepunyaan-Nyalah segala yang di langit dan di bumi. Dan malaikat-maiaikat yang di sisi-Nya, mereka tiada mempunyai rasa angkuh untuk menyembah-Nya dan tiada (pula) merasa letih. Mereka selalu bertasbih malam dan siang tiada henti. Apakah mereka mengambil tuhan-tuhan dari bumi, yang dapat menghidupkan (orang-orang mati)? Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, tentulah keduanya itu telah rosak binasa. Maka Maha suci Allah yang mempunyai' Arasy, dari apa-apa yang mereka sifatkan. Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanyai. Apakah mereka mengambil tuhan-tuhan selain-Nya? Katakanlah, 'Tunjukkanlah hujah kalian! (Al-Qur'an) ini adalah peringatan bagi orang-orang yang bersamaku, dan peringatan bagi orang-orang yang sebelumku. 'Sebenarnya kebanyakan mereka tiada mengetahui yang haq, kerana itu mereka berpaling. Dan Kami tidak*




mengutus seorang rasul pun sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya, 'Bahawasanya tidak ada Tuhan (yang haq) melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku.'" *(Al-Anbiya: 16-25).*

Kemudian wahai Akhi, Anda membaca firman Allah swt., "*Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Hidup Kekal lagi terus-menerus mengurus (makhluk-Nya); tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi. Tiada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya. Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dan ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha tinggi lagi Maha besar*." *(Al-Baqarah: 255).*

Sekarang wahai Akhi ada pertanyaan. Mengapa Al-Qur'anul Karim tidak mengemukakan pengertian-pengertian ini secara terperinci dalam bab-bab dan fasal-fasal khusus sebagaimana lazimnya pada buku-buku ilmiah?

Kenyataannya, cara penyampaian seperti ini merupakan salah satu bukti kemukjizatan Al-Qur'anul Karim. Sebab, Anda tidak menemukan satu ayat yang mempunyai satu tujuan saja, melainkan mengandung berbagai-bagai tujuan. Hal itu disebabkan oleh kenyataan bahawa Al-Qur'anul Karim berbicara dengan jiwa. Sedangkan ketika jiwa memahami sesuatu, ia tidak memahaminya berikut rincian dan variasinya, tetapi memahaminya sebagai sebuah hakikat yang utuh.

Al-Qur'anul Karim mengemukakan, kepada jiwa, segala aspek yang berkaitan dengan suatu hakikat, sehingga boleh memuaskannya. Kadangkala jiwa manusia tidak menyukai klasifikasi, kerana ia ingin mengetahui keseluruhan hakikat yang saling berkaitan. Ketika mengemukakan berbagai-bagai hakikat ini secara keseluruhan, sebenarnya Al-Qur'anul Karim ingin memuaskan jiwa.

Misalnya, Anda hanya mengambil ayat, *"Katakanlah, 'Dialah Allah Yang Maha Esa...'"*, maka Anda dapati bahawa jiwa anda hanya memperoleh sebahagian kecil keterangan yang tidak memuaskannya. Tetapi jika Anda mengambil surah Al-Ikhlas tersebut secara keseluruhan, maka anda dapati jiwa anda menjadi lebih tenteram dan puas. Penyebab yang lain, wahai Akhi, mengapa Al-Qur'anul Karim mengemukakan pengertian-pengertian umum ketika berbicara kepada jiwa manusia? Kerana teori-teori ilmiah selalu berubah-ubah mengikuti perubahan masa. Akal manusia harus menyusun pelbagai hakikat dengan cara yang sesuai. Hakikat-hakikat ilmiah itu bagi manusia ibarat mutiara yang bertebaran. Di setiap masa, manusia merangkainya berdasarkan ukuran "rantai kalung" yang sesuai dengan "leher" zamannya. Kemudian ada pengertian ketiga, iaitu bahawa pengulangan merupakan salah satu hukum yang berlaku untuk menguatkan pengertian ke dalam jiwa, di samping untuk menimbulkan keingintahuan. Perpindahan dari satu tema kepada tema lain akan mewujudkan keingintahuan terhadap pengertian-pengertian itu.

Baiklah wahai Akhi, kita kini kembali kepada tema kita yang pertama. Anda juga membaca dalam kitab Allah: *"Katakanlah, 'Segala puji bagi Allah dan kesejahteraan atas hamba-hamba-Nya yang dipllih. Apakah Allah yang lebih baik, ataukah apa yang mereka persekutukan dengan Dia?*

Atau siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan yang menurunkan air untuk kalian dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun yang berpemandangan indah, yang kalian sekali-kali tidak mampu menumbuhkan pohon-pohonnya? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) mereka adalah orang-orang yang menyimpang (dari kebenaran).





Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat berdiam dan yang menjadikan sungai-sungai di celah-celahnya, yang menjadikan gunung-gunung untuk (mengukuhkan)nya dan menjadikan suatu pemisah antara dua laut? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) kebanyakan dari mereka tidak mengetahui.

Atau siapakah yang memperkenankan (doa) orang yang dalam kesulitan apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan dan yang menjadikan kalian sebagai khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Amat sedikitlah kamu mengingati(Nya).

Atau siapakah yang memimpin kalian dalam kegelapan di daratan dan lautan dan siapa (pula)kah yang mendatangkan angin sebagai khabar gembira sebelum (kedatangan) rahmat-Nya? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Maha tinggi Allah atas apa yang mereka persekutukan (dengan-Nya).

Atau siapakah yang menciptakan (manusia dari permulaannya), kemudian mengulanginya (lagi), dan siapa (pula) yang memberikan rezeki kepada kalian dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Katakanlah, 'Tunjukkanlah bukti kebenaran kalian, jika kalian memang orang-orang yang benar.

Katakanlah, 'Tidak ada seorang pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara ghaib, kecuali Allah', dan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan." (An-Naml: 59-65).

Allah swt. telah menjelaskan pengertian-pengertian indah ini dalam perbezaan antara kekuatan Allah swt. dengan siapa saja di antara makhluk-Nya yang dianggap sebagai tuhan. Dalam dialog Sayidina Ibrahim, Al-Qur'anul Karim menyatakan, "*Ketika ia berkata kepada bapa dan kepada kaumnya, 'Apakah yang kalian sembah?' Mereka menjawab, 'Kami menyembah berhala-berhala dan kami sentiasa tekun menyembahnya.' Ibrahim berkata, 'Apakah berhala-berhala itu mendengar (doa) kalian sewaktu kalian berdoa (kepada)nya? Atau (dapatkah) mereka memberi manfaat kepada kalian atau memberi mudharat?*'" *(Asy-Syu'ara': 70-73).*

Di sini Al-Qur'an menegaskan bahawa mereka tidak mempunyai pendengaran, penglihatan, dan kesempurnaan. Kemudian ia membuat mereka terdiam. "*Apakah berhala-berhala mempunyai kaki yang dengan itu ia dapat berjalan, atau mempunyai tangan yang dengan itu ia dapat memegang dengan keras, atau mempunyai mata yang dengan itu ia dapat melihat?" (Al-A'raf: 195).*

Sebagai puncak penegasan yang sekaligus merupakan *hakikat azali* dan fitri, Al-Qur'an mengatakan, "*Sesungguhnya, pelindungku adalah Allah yang telah menurunkan Al-Kitab (Al-Qur'an) dan Dia melindungi orang-orang yang soleh." (Al-A 'raf: 196).*

"Al-Quran telah menegaskan bahawa mereka tidak mempunyai pendengaran,penglihatan, kemampuan menimpakan bahaya,dan kemampuan memberikan manfaat,bagaimana mereka boleh menjadi Tuhan? "

Jika Al-Qur'an telah menegaskan bahawa mereka tidak mempunyai pendengaran, penglihatan, kemampuan menimpakan bahaya, dan kemampuan memberi manfaat, lantas bagaimana mereka boleh menjadi tuhan? Kerana itu, Al-Qur'an menegaskan bahawa Allah tidak bersekutu dengan mereka dalam ketuhanan.

Kemudian Al-Qur'anul Karim juga menegaskan bahawa tidak ada keserupaan Allah dengan apa pun. Allah swt. berfirman, "*Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya." (Asy-Syura: 11) "Dan tidak ada satu orang pun yang setara dengan-Nya*." *(Al-lkhlas: 4).*

Di antara penganut kepercayaan lain, ada yang mengatakan bahawa Allah mempunyai anak. Wahai Akhi, Anda mendapati bahawa Al-Qur'an membantah hal ini secara tegas dan dengan hujah.

Di antara mereka ada yang meyakini konsep triniti, dan Al-Qur'an pun membantahnya; "*Dia Pencipta langit dan bumi. Bagaimana Dia mempunyai anak padahal Dia tidak mempunyai isteri. Dia menciptakan segala sesuatu dan Dia mengetahui segala sesuatu* ." *(Al-An'am: 101).*

Allah swt. juga berfirman berkenaan dengan anggapan bahawa Dia beranak. "*Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman, 'Hai Isa putera Maryam, apakah kamu mengatakan kepada manusia, 'Jadikanlah aku dan ibuku sebagai dua orang tuhan selain Allah?' Isa menjawab, 'Maha suci Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan apa yang bukan hakku. Jika aku pernah mengatakannya, tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri-Mu. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui perkara yang ghaib-ghaib.*

Aku tidak pernah mengatakan kepada mereka kecuali apa yang Engkau perintahkan kepadaku (untuk mengatakannya), iaitu, 'Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhanmu.' Dan adalah aku menjadi saksi terhadap mereka, selama aku berada di antara mereka. Maka setelah Engkau wafatkan (angkat) aku, Engkaulah yang mengawasi mereka. Dan Engkau adalah Maha Menyaksikan atas segala sesuatu.

Jika Engkau menyeksa mereka, maka sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba-Mu dan jika Engkau mengampuni mereka, maka sesungguhnya Engkaulah Yang Maha perkasa lagi Maha bijaksana.

Allah berfirman, 'Ini adalah hari yang memberi manfaat bagi orang-orang yang benar lantaran kebenaran mereka. Bagi mereka syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada-Nya. Itulah keuntungan yang paling besar.' Kepunyaan Allah-lah kerajaan langit dan bumi dan apa yang ada di dalamnya; Dia Maha kuasa atas segala sesuatu." (Al-Maidah: 116-120).

Wahai Akhi, di sini Anda mendapati penegasan Allah bahawa Dia tidak beranak, melalui bentuk dialog antara Allah swt. dengan Isa bin Maryam di akhirat, ketika pelbagai hakikat dibuktikan. Di sini juga terlihat bahawa keyakinan itu berubah-ubah sepeninggalan para nabi mengikuti hawa nafsu manusia dan godaan kemunafikan. Al-Qur'an juga membantah orang-orang Yahudi yang mengatakan, "*Sesungguhnya Uzair adalah putera Allah." "Orang-orang Yahudi berkata, 'Uzair itu putera Allah' dan orang-orang Nasrani berkata, 'Al-Masih itu putera Allah.' Demikian itulah ucapan mereka dengan mulut mereka. Mereka meniru ucapan orang-orang kafir yang terdahulu. Allah melaknati mereka; bagaimana mereka sampai berpaling?" (At-Taubah: 30).*

Keyakinan tentang adanya dua atau tiga tuhan, sebenarnya merupakan keyakinan kaum penyembah berhala. Ini merupakan salah satu mukjizat Al-Qur'an pula, kerana Nabi saw. tidak pernah belajar falsafah kuno tentang bangsa-bangsa paganis (penyembah berhala) yang mengatakan bahawa Allah swt. beranak.

Al-Qur'anul Karim menolak keyakinan yang menetapkan segala macam makhluk sebagai tuhan, sekalipun mereka adalah pendeta dan tokoh agama. "*Mereka menjadikan orang-orang alimnya dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah dan (mereka juga mempertuhankan) Al-Masih putera Maryam; padahal mereka hanya disuruh menyembah Tuhan Yang Maha Esa, yang tidak ada Tuhan selain-Nya. Maha suci Allah dari apa yang mereka persekutukan*." *(At-Taubah: 31).*

Al-Qur'an juga menolak sama sekali adanya manfaat atau sifat-sifat ketuhanan apa pun yang dilekatkan pada berhala-berhala bangsa Arab, seperti pada Bahirah, Saibah, dan Washilah. Dahulu, semua ini adalah sebutan untuk haiwan-haiwan mereka yang dinazarkan kepada Allah dengan cara-cara




tertentu, sehingga akhirnya manusia menganggap bahawa di dalamnya terdapat barakah khusus. Itu semua merupakan bahagian dari keyakinan-keyakinan yang bersumber dari paganisme lama. la menjadi penghalang mereka untuk mengenal Allah swt. dengan sebenar-benarnya. "*Allah sekali-kali tidak pernah mensyariatkan adanya bahirah, saibah, washilah, dan haam. Akan tetapi orang-orang kafir membuat-buat kedustaan terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak mengerti." (Al-Maidah: 103).*

Wahai Akhi, Islam datang untuk memberantas semua ini agar tidak menjadi penyebab yang menjerumuskan umat manusia kepada kesyirikan. "*Dan mereka memperuntukkan bagi Allah satu bahagian dari tanaman dan ternak yang telah diciptakan Allah, lalu mereka berkata sesuai dengan persangkaan mereka, 'Ini untuk Allah dan ini untuk berhala-berhala kami.' Maka saji-sajian yang diperuntukkan bagi berhala-berhala mereka tidak sampai kepada Allah dan saji-sajian yang diperuntukkan bagi Allah, maka sajian itu sampai kepada berhala-berhala mereka. Amat buruklah ketetapan mereka itu*." *(Al-An'am: 136).*

Wahai Akhi, ada pula keyakinan bahawa untuk beribadat kepada Allah seseorang perlu membunuh anak laki-laki atau mengubur anak perempuan hidup-hidup. Tentu Islam membanterasnya, kerana manusia hanya boleh beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah swt. dengan perbuatan-perbuatan baik (amal soleh). "*Dan demikianlah pemimpin-pemimpin mereka telah menjadikan kebanyakan dari orang-orang musyrik itu memandang baik membunuh anak-anak mereka untuk mernbinasakan mereka dan untuk mengelirukan bagi mereka agamanya*." *(Al-An'am: 137).*

Penguburan anak perempuan tidak semata-mata dengan alasan malu, tetapi sebahagian bangsa Arab menjadikannya sebagai sebab untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah swt.. Keyakinan ini bersumber dari suku-suku Barbar. Hingga kini masih ada orang-orang yang menyajikan korban mengikuti tradisi-tradisi kaum paganis. "*Dan mereka mengatakan, 'Inilah binatang ternak dan tanaman yang dilarang; tidak boleh memakannya, kecuali orang yang kami kehendaki,' menurut anggapan mereka, dan ada binatang ternak yang diharamkan menungganginya dan binatang ternak yang mereka tidak menyebut nama Allah di waktu menyembelihnya, semata-mata membuat-buat kedustaan terhadap Allah. Kelak Allah akan membalas mereka lantaran apa yang selalu mereka ada-adakan*." *(Al-An'am: 138)*

Semua ini merupakan jenis-jenis paganisme yang dikaitkan dengan keyakinan tentang ketuhanan. Islam datang untuk membanteras dan memeranginya, serta untuk membersihkan hakikat ketuhanan dari noda-noda syirik yang dilekatkan kepadanya.

Kesimpulan

Wahai Akhi, kesimpulan yang dapat kita ambil dari perbahasan kita mengenai pengertian *uluhiyab* tersimpul dalam dua perkara:

Pertama, Al-Qur'anul Karim menegaskan — dengan penegasan yang tidak memberi tempat untuk keragu-raguan— bahawa zat Allah serta hakikat sifat-sifat-Nya itu merupakan perkara yang tidak boleh difikirkan oleh akal manusia. "*Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu. Dialah Yang Maha halus lagi Maha Mengetahui." (Al-An'am: 103) "Musa berkata, 'Wahai Tuhanku, tampakkanlah (diri-Mu) kepadaku agar aku dapat melihat-Mu'. Tuhan berfirman, 'Kamu sekali-kali tidak sanggup melihat-Ku, tetapi lihatlah ke bukit itu, maka jika ia tetap di tempatnya (sebagai sediakala) nescaya kamu dapat melihat-Ku'. Tatkala Tuhannya menampakkan diri kepada gunung itu, dijadikannya gunung itu hancur luluh dan Musa pun jatuh pengsan*." *(Al-A'raf: 143).*

Demikianlah, akal fikiran manusia tidak




mampu mengetahui zat Allah swt. secara sepenuhnya, kerana itu ia dihalangi darinya.

Adapun bahawa manusia akan melihat Allah swt. di hari kiamat adalah perkara yang tidak diperdebatkan lagi, tetapi bukan bererti semua mata ini —sampai hari kiamat sekalipun— mengetahui sepenuhnya hakikat Tuhan mereka. Kesimpulan praktikalnya adalah bahawa kita, kaum muslimin, tidak dibenarkan menjadikan pemahaman-pemahaman mengenai hal ini sebagai perdebatan, perbahasan, dan perselisihan di antara kita, kerana kita tidak akan memperoleh apa pun dengan melakukan perkara tersebut.

Kedua, adalah persoalan hubungan kita dengan Allah, dan hubungan Allah dengan kita. Hubungan Dia dengan kita adalah, Dia merupakan sumber curahan kurnia yang luas meliputi segala sesuatu. Dialah yang telah menjadikan kita ada, memberikan petunjuk kepada kita, memberikan rezeki kepada kita,menghidupkan dan mematikan, menghisab, dan Dia merupakan tempat kembali segala sesuatu. Hubungan kita semua kepadaNya adalah hubungan *'ubudiyah* (peribadatan). "*Tidak ada seorang pun di langit dan di bumi, kecuali akan datang kepada Tuhan Yang Maha Pemurah selaku seorang hamba.*" *(Maryam: 93).*

"*Dan mereka berkata, 'Tuhan Yang Maha Pemurah telah mengambil (mempunyai) anak', Maha suci Allah. Sebenarnya (malaikat-malaikat itu), adalah hamba-hamba yang dimuliakan. Mereka itu tidak mendahului-Nya dengan perkataan dan mereka mengerjakan perintah-perintah-Nya. Allah mengetahui segala sesuatu yang di hadapan mereka, dan mereka tiada memberi syafaat melainkan kepada orang yang diredhai Allah, dan mereka itu selalu berhati-hati kerana takut kepada-Nya. Barangsiapa di antara mereka mengatakan, 'Sesungguhnya aku adalah tuhan selain Allah', maka orang itu Kami beri balasan dengan Jahanam, demikian Kami memberikan pembalasan kepada orang-orang zalim.*" *(Al-Anbiya': 26-29).*

Jadi, status seluruh makhluk di hadapan Allah adalah hamba dan yang mendekatkan mereka kepada-Nya adalah ketaatan, pelaksanaan perintah-Nya, serta kepatuhan kepada batas-batas dan syariah-syariah-Nya. Barangsiapa mentaati-Nya, ia akan didekatkan kepada-Nya dan barangsiapa yang bermaksiat kepada-Nya, ia dijauhkan dan-Nya.

Rasulullah saw. pernah bersabda kepada Muadz bin Jabal. "Muadz, tahukah kamu apakah hak Allah yang harus ditunaikan oleh para hamba dan apakah hak hamba yang mesti ditunaikan oleh Allah?" Muadz menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Beliau bersabda, "Hak Allah yang harus ditunaikan para hamba adalah hendaklah mereka beribadah kepada-Nya dan tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Sedangkan hak para hamba yang mesti ditunaikan oleh Allah adalah jika mereka telah menunaikan hak Allah itu, Allah akan memasukkan mereka ke syurga." Jadi, barangsiapa yang taat kepada Allah, ia beruntung dan barangsiapa yang membangkang kepada Allah, ia celaka.

Wahai Akhi, jika kita telah mengetahui hal itu, maka kita berkewajipan menghindari pembicaraan yang berkisar tentang hakikat sifat yang digambarkan oleh Allah swt. tentang diri-Nya. Hendaklah kita menerima hal itu secara bulat dan mendekatkan diri kepada-Nya dengan perbuatan yang diredhai-Nya. Sehingga, Dia menampakkan keakraban dan kedekatan-Nya kepada kita sebagaimana yang telah dinampakkan-Nya kepada siapa yang dicintai-Nya.

Ikhwan sekalian, jika Anda semua mampu mengingat-ingat hal itu, maka itu merupakan kunci kebaikan. *"Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, jika kamu tidak boleh melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu." (Al-Hadits)*

Ingatlah bahawa Allah sentiasa bersama Anda semua, di mana pun Anda berada. Dia




mengawasi Anda dan bahawa apa saja yang Anda kerjakan dan apa saja yang terlintas dalam fikiran Anda, pasti diketahui-Nya. "Dia mengetahui (pandangan) mata yang khianat dan apa yang disembunyikan oleh hati." *(Al-Mu'min:19)*

Orang-orang yang telah mengenal Allah, tidak mengizinkan hati mereka untuk memikirkan apa pun selain-Nya.

Jika mataku melihat kepada selain-Mu sekali saja, Kuanggap lirikan mata itu sebagai dosa paling besar.

Maka, berinteraksilah dengan Allah dengan kesedaran dan pengetahuan, sehingga Anda sekalian menjadi orang-orang yang berbahagia di dunia dan di akhirat. Semoga selawat dan salam dilimpahkan kepada Sayidina Muhammad, segenap keluarga dan sahabat-sahabatnya **Hassan Al Banna**

"

Ikhwan sekalian, kita berkewajipan menghindari perbicaraan yang berkisar tentang hakikat sifat yang digambarkan oleh Allah s.w.t tentang diriNya.Hendaklah kita menerimanya secara bulat dan mendekatkan diri kepadanya dengan perbuatan yang diredhaiNya.Sehingga, Dia menampakkan keakraban dan kedekatanNya kepada kita sebagaimana yang telah dinampakkanNya kepada siapa yang dicintaiNya

-Hassan Al-Banna-

"

- ***Mereka Yang Telah Pergi*** adalah Karya Al- Mustasyar Abdullah Al-Aqil berdasarkan pengalaman dan kajian beliau tentang tokoh-tokoh pembangun Islam.
- ***Hadith Tsulasa'*** adalah ceramah Imam Hassan Al-Banna di pusat Ikhwanul Muslimin di Kaherah pada setiap hari Selasa hasil nota karangan Ahmad Isa 'Asyur.